

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.11.2015

Y.B. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kedudukan rayuan Jemaah Surau An Nur di atas bekas tapak Penjara Pudu supaya dikekalkan kerana ia memberi kemudahan beribadat untuk kira-kira 2,000 ke 3,000 orang Islam di situ berikutan cadangan UDA untuk merobohkannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pihak UDA sedia maklum bahawa Surau An-Nur mempunyai nilai

sentimental serta menjadi tumpuan jemaah untuk solat Jumaat, namun begitu UDA terpaksa merobohkan surau ini bagi memberi laluan kepada pembangunan berskala tinggi yang dikenali Bukit Bintang City Centre di mana pembinaan surau merupakan salah satu komponen pembangunan. Surau baru ini kelak akan berkonsepkan moden dan mampu menampung 2,500 jemaah dalam satu masa.

Operasi Surau An-Nur perlu dipindahkan buat sementara waktu sehingga surau baharu yang selesa dijangka siap dibina pada tahun 2019. Sebagai langkah sementara, pihak UDA sedang menaiktaraf Surau Al-Aslahiyah yang mampu menampung kapasiti Jemaah sehingga 500 orang sebelum menamatkan operasi Surau An-Nur. Kerja naiktaraf Surau dijangka siap pada akhir tahun 2015.

Pada 30 September 2015, satu perjumpaan telah diadakan dengan kehadiran YB Menteri Wilayah Persekutuan bersama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan UDA. Pada pertemuan tersebut, YB

Menteri Wilayah Persekutuan dan JAWI telah bersetuju secara dasar dengan cadangan penutupan Surau Jumaat An-Nur dan akan digantikan dengan Surau Jumaat yang akan disiapkan bersama dengan Pembangunan Bukit Bintang City Centre (BBCC). Pihak UDA juga diminta mengkaji kedudukan surau baru di dalam pelan pembangunan Bukit Bintang City Centre (BBCC) seterusnya memaklumkan kepada pihak JAWI.